

## Lampiran A

### KELAYAKAN BAGI EJEN CUKAI SUBSEKSYEN 153(3), AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

1. Seseorang yang mempunyai mana-mana kelulusan seperti di bawah **Jadual Pertama Bahagian I, Akta Akauntan 1967** dan lima (5) tahun pengalaman dalam bidang percukaian pendapatan secara praktikal dengan Kerajaan atau sektor swasta dimana pengalaman yang diambil kira hanyalah pengalaman selepas kelulusan berkenaan diperolehi;
2. Ahli kepada mana-mana persatuan akauntan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia seperti di bawah **Jadual Pertama Bahagian II, Akta Akauntan 1967** dan lima (5) tahun pengalaman dalam bidang percukaian pendapatan secara praktikal dengan Kerajaan atau sektor swasta dimana pengalaman yang diambil kira hanyalah pengalaman selepas menjadi ahli persatuan yang berkenaan;
3. Seseorang yang mempunyai kelulusan akademik di peringkat ijazah pertama dalam bidang perniagaan dan ekonomi daripada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan lapan (8) tahun pengalaman di bidang percukaian pendapatan secara praktikal dengan Kerajaan atau sektor swasta dimana pengalaman yang diambil kira hanyalah pengalaman selepas kelulusan berkenaan diperolehi;
4. Seseorang yang telah lulus dalam peperiksaan Kursus Lanjutan anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri dan lima (5) tahun pengalaman dalam bidang percukaian pendapatan secara praktikal dengan Kerajaan atau sektor swasta;
5. Seseorang yang telah lulus dalam peperiksaan Kursus Permulaan anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri dan semasa bekerja dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri berpangkat Pemeriksa dan ke atas serta 10 tahun pengalaman dalam bidang percukaian pendapatan secara praktikal dengan Kerajaan atau sektor swasta;
6. Seseorang yang telah lulus dalam Kursus Ejen Percukaian anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri (Skim Latihan Khas);
7. Ahli kepada Institut Percukaian Malaysia (MIT) dan lima (5) tahun pengalaman dalam bidang percukaian pendapatan secara praktikal dengan Kerajaan atau sektor swasta;
8. Ahli kepada The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA) dan lima (5) tahun pengalaman dalam bidang percukaian pendapatan secara praktikal dengan Kerajaan atau sektor swasta dimana pengalaman yang diambil kira hanyalah pengalaman selepas menjadi ahli persatuan berkenaan;
9. Ahli kepada Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS) yang mempunyai kelulusan akademik di peringkat ijazah pertama dalam bidang undang-undang daripada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan lima (5) tahun pengalaman dalam bidang percukaian pendapatan secara praktikal dengan Kerajaan atau sektor swasta dimana pengalaman yang diambil kira hanyalah pengalaman selepas kelulusan berkenaan diperolehi; dan
10. Ahli akademik yang mempunyai 5 tahun pengalaman mengajar dalam bidang percukaian di peringkat diploma dan ke atas di mana-mana Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia serta mempunyai syarat kelayakan seperti di **Jadual Pertama Bahagian I dan II Akta Akauntan 1967**.